

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 03 APRIL 2014 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Inter-monsoon rain may bring relief	The Sun
2	Hoping showers will solve water woes	The Star
3	Catuan air ekoran kemarau di Taiping bermula hari ini	Kosmo
4	Cuaca panas, tiada taburan hujan cukup punca catu air di Taiping	Bernamea.com
5	Gempa bumi kuat di Near Coast of Nothern Chile	Bernamea.com
6	Kapal selam UK sertai misi mencari MH370	Sinar Harian
7	MITI peruntuk RM2 juta tingkat daya saing vendor PKS bumiputera	Kosmo
8	MITI allocates RM2m to enhance bumiputra SMEs	The Malay Mail
9	MITI sedia RM2 juta bagi program mempertingkatkan daya saing vendor PKS	Bernamea.com
10	Lebih 40,000 bakal meriahkan MISTI 2014	Berita Harian

# Inter-monsoon rain may bring relief

> Water rationing will stop if levels at dams reach 55%, assures Khalid

BY KAREN ARUKESAMY AND  
ELLY FAZANIZA  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** "I don't expect the water rationing exercise to go beyond April if the water levels at the dams reach 55%, with rain expected throughout this month."

This is the assurance by Selangor Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim to the rakyat who have been inconvenienced due to water rationing since the end of February.

Khalid, who was speaking to reporters after chairing the Selangor state exco meeting yesterday, said: "If the water levels at the dams are at 55%, then we will stop the

rationing exercise. We notice that the water level in some dams are now at 40%."

This comes in the wake of the Malaysian Meteorological Department saying that more rainy afternoons are expected throughout this month due to the inter-monsoon period.

"This will help counter the dry season as the dams are still recording critical water levels," a department spokesman told *theSun* yesterday.

He said Malaysia is now in the inter-monsoon phase where the wind flow changes from northeast to southwest.

He said this would help the water situation at the dams but the operators need to keep monitoring the situation.

He added that the southwest monsoon season is expected to set in by early May.

The National Water Services Commission's (SPAN) announced on

Early detection and treatment of localised breast cancer improves survival rate to 98%.\*

Find out the best way to protect yourself with A-Plus Venus. Visit [aia.com.my](http://aia.com.my) for more details.

\*Sourced from Early Women Counts Resource for Health Professionals



THE REAL LIFE COMPANY


Monday that it will continue with the water rationing exercise as the water level at six out of the seven dams in Selangor is still extremely low although there had been heavy rainfall for the past few weeks.

SEE ALSO PAGE 07 & 16 ►



# Hoping showers will solve water woes

Meteorological department believes intermonsoon season will bring respite



**Well prepared:** Samsaimon Hairan, 52, stocking up water at his house in Pangsapuri Enggan, Bandar Kinrara 6F, Puchong, which is affected by Syabas' water rationing exercise. — RAJA FAISAL HISHAN / The Star.

**PETALING JAYA:** Although water reserve levels are dipping at all Selangor dams, the Meteorological Department has "high hopes" that the water shortage will be resolved soon, with more "showers and storms" expected this month.

Department central forecasting office director Muhammad Helmi Abdullah said the intermonsoon season which had just begun would bring rain for about 20 days or "two-thirds of the month".

"Most of the rain is expected in the west coast but we also expect more rain in the inland areas of the east coast of the peninsula as well as in Sabah and Sarawak," he said.

The fourth phase of the water rationing exercise was announced on Tuesday by the National Water Services Commission (SPAN) despite the rain over the past two weeks.

Muhammad Helmi said many of the dams were not filling up because much of the rain was not falling in catchment areas.

"It is difficult to tell when the rain will fall over water catchment areas or the dams, but we are targeting these areas through cloud-seeding operations.

"We calculate the movement of the clouds in terms of how fast they move and in which direction,

and plan cloud-seeding operations based on these data.

"The recent rain has been a combination of rain induced by cloud seeding and natural rain," he said yesterday.

Cloud seeding, he said, could also increase the volume of water in natural rain.

The frequency of the operations, however, depended on the availability of aircraft and the weather.

Another reason the recent rains have failed to increase water levels at the dams is because more water is absorbed into the land because of the long dry spell.

"As it was dry for a long period, the land is very dry and more water seeps through the ground than usual, so more water is lost," he said.

According to the Selangor Water Management Authority (Luas) website, the water storage levels at the Sungai Selangor Dam had dropped to 36.67% of its capacity yesterday, close to the critical point of 30%.

The other dams have also seen lower water levels than the earlier day — Batu was at 90.08% yesterday, Klang Gates 50.04%, Langat 48.74%, Semenyih 71.12%, Sungai Tinggi 61.39% and Tasik Subang 87.70%.

## Catuan air ekoran kemarau di Taiping bermula hari ini

IPOH - Lembaga Air Perak (LAP) terpaksa melaksanakan pelan catuan air di Taiping, kawasan paling kerap menerima hujan lebat di Malaysia, selain Kamunting mulai hari ini berikutan cuaca kemarau dan panas yang berpanjangan.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir (**gambar**) berkata, pelan catuan itu adalah yang pertama dalam sejarah bekalan air di Perak apabila Taiping dan Kamunting tidak menerima taburan hujan mencukupi bagi keperluan kawasan tadahan air.



"Taiping merupakan kawasan paling lembap di negara ini tetapi sejak beberapa bulan lepas, tidak berlaku hujan dalam tempoh yang panjang sehingga menyebabkan kekurangan air mentah," katanya kepada pemberita di luar persidangan Dewan Undangan Negeri Perak di sini semalam.

Beliau berkata, pelan itu dilaksanakan bukan kerana faktor pengurusan dan pentadbiran aset air LAP yang lemah seperti didakwa pihak pembangkang.

Beliau berharap tadahan air di Taiping dan Kamunting dapat ditingkatkan pada bulan ini kerana Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan bulan April berada dalam musim monsun yang akan membawa taburan hujan yang banyak.

Zambry yang juga pengerusi LAP berkata, pelan catuan di Taiping dan Kamunting akan melibatkan 23,719 akaun atau hanya tiga peratus daripada keseluruhan 710,000 akaun pengguna di Perak.

Untuk maklumat lanjut, pengguna di kawasan terjejas boleh menghubungi Bilik Gerakan Operasi yang dibuka selama 24 jam dan Pusat Aduan Pengguna LAP di Pusat Operasi Taiping melalui talian 05-891 1437 atau talian bebas tol 1-800-88-7788.





## Cuaca Panas, Tiada Taburan Hujan Cukup Punca Catu Air Di Taiping

IPOH, 2 April (Bernama) -- Lembaga Air Perak (LAP) terpaksa melaksanakan pelan catuan air di Taiping, kawasan paling kerap menerima hujan lebat di Malaysia, selain Kamunting berikutan cuaca kemarau dan panas yang berpanjangan.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata pelan catuan itu adalah yang pertama dalam sejarah bekalan air di Perak apabila Taiping dan Kamunting tidak menerima taburan hujan mencukupi bagi keperluan kawasan tadahan air.

"Taiping merupakan kawasan paling lembap di negara ini tetapi sejak beberapa bulan lepas, tidak berlaku hujan dalam tempoh yang panjang sehingga menyebabkan kekurangan air mentah. LAP akan membuat langkah terbaik untuk pastikan bekalan air sentiasa ada," katanya kepada pemberita di luar persidangan Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Beliau berkata pelan itu dilaksanakan bukan kerana faktor pengurusan dan pentadbiran aset air LAP yang lemas seperti didakwa pembangkang.

Beliau berharap tadahan air di Taiping dan Kamunting dapat ditingkatkan bulan ini kerana [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) meramalkan April berada dalam musim monsun yang akan membawa taburan hujan yang banyak.

"Walaupun hujan berlaku di kawasan tadahan dan pengeluaran air di Loji Taiping Headworks meningkat daripada 26 juta liter sehari kepada 31 juta liter sehari, namun setakat ini paras air di Empangan Ayer Kuning masih rendah," katanya.

Zambry yang juga pengerusi LAP berkata sejak penurunan air mentah di Loji Taiping Headworks, kekurangan itu ditampung oleh Empangan Ayer Kuning yang mendapat bekalan air mentah dari empangan itu.

Oleh itu, pengambilan air mentah dari Empangan Ayer Kuning terpaksa dikurangkan bagi tujuan memanjangkan tempoh keupayaan takungan air di empangan itu kini tinggal 48 peratus dan hanya mampu bertahan selama 25 hari sahaja, katanya.

Pelan catuan di Taiping dan Kamunting akan melibatkan 23,719 akaun atau tiga peratus sahaja daripada 710,000 akaun pengguna di seluruh Perak.

Zambry berkata LAP tidak akan menyediakan lori tangki atau tangki statik di kawasan terjejas kecuali bagi perkhidmatan kesihatan dan keselamatan, kerana catuan air dua hari sekali secara berselang.

Untuk maklumat lanjut, pengguna di kawasan terjejas boleh menghubungi Bilik Gerakan Operasi dan Pusat Aduan Pengguna LAP di Pusat Operasi Taiping di talian 05-891 1437 atau talian bebas tol 1-800-88-7788.

Mereka juga boleh melayari laman web rasmi LAP iaitu [www.lap.com.my](http://www.lap.com.my) dan boleh menghantar emel ke [aduanadmin@lap.com.my](mailto:aduanadmin@lap.com.my) serta mengikuti @LAP di Facebook dan Twitter.

-- BERNAMA



## Gempa Bumi Kuat Di Near Coast Of Northern Chile

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Satu gempa bumi berukuran 8.0 pada skala Richter berlaku di Near Coast of Northern Chile pada pukul 7.46 pagi ini.

Kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) di sini Rabu menyebut gempa itu berpusat 84km barat laut dari Iquique, Chile dan 17,906km barat daya dari Pontian, Johor.

Bagaimanapun gempa itu tidak menyebabkan ancaman tsunami di Malaysia, menurut kenyataan itu lagi.

Jabatan Meteorologi Malaysia sedang memantau perkembangannya dan sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan.

-- BERNAMA



# Kapal selam UK sertai misi mencari MH370

**KUALA LUMPUR** - Kapal selam kelas Trafalgar Britain, HMS Tireless, telah tiba di selatan Lautan Hindi tatkala misi mencari pesawat Malaysia yang hilang di kawasan itu masuk hari ke-26 semalam.

Suruhanjaya Tinggi Britain di Malaysia, dalam kenyataan dikeluarkan berkata, Setiausaha Negara bagi Pertahanan UK Philip Hammond memaklumkan perkara itu kepada Menteri Pertahanan dan Pemangku Menteri Pengangkutan Malaysia Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menerusi telefon semalam.

"Dengan keupayaan melakukan pencarian di dalam air, kapal selam HMS Tireless akan dapat membantu dalam usaha untuk mengesan lokasi pesawat hilang itu.

"UK sentiasa berhubung rapat dengan pihak berkuasa Malaysia sejak kehilangan pesawat itu dan memberikan pelbagai bantuan," menurut kenyataan itu.

Menurutnya, kapal peninjau hidrografik pelbagai fungsi, HMS Echo, dijadual tiba di selatan Lautan Hindi untuk membantu misi pencarian itu.

"Selain membantu usaha mencari transponder pada kotak hitam, HMS Echo akan memainkan peranan penting dalam pencarian serpihan di permukaan air.

Kecanggihannya dan keupayaannya dalam menilai keadaan persekitaran juga akan membantu pihak berkuasa pencari-



Kapal selam HMS Tireless tiba di selatan Lautan Hindi bagi misi mencari MH370.

an untuk mengoptimalkan operasi pencarian," menurut kenyataan itu.

Katanya, kerajaan UK juga membantu dengan meminjamkan pakar untuk memberikan bantuan teknikal dan keupayaan kepakaran dari Kementerian Pertahanan, Pejabat Hidrografik, Jabatan Pengangkutan dan Pejabat Meteorologi untuk membantu mengesan pesawat itu.

Empat anggota Tentera Udara Diraja dipinjamkan ke Tentera Udara Diraja Australia dan Tentera Udara Diraja juga terlibat secara aktif dalam operasi pencarian maritim, menurut kenyataan itu.

Misi mencari melibatkan pelbagai negara, pada mulanya di Laut China Selatan dan kemudiannya selepas pesawat itu dikesan melencong daripada laluan di se-

panjang dua koridor iaitu koridor utara dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan hingga utara Thailand dan koridor selatan dari Indonesia hingga selatan Lautan Hindi.

Berikutan analisis terhadap data satelit, syarikat telekomunikasi satelit United Kingdom Inmarsat dan Cawangan Penyiasatan Kemalangan Udara UK (AAIB) merumuskan Penerbangan MH370 terbang di sepanjang koridor selatan dan kedudukannya terakhirnya di tengah Lautan Hindi, barat Perth, Australia.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan, 17 hari selepas kehilangan pesawat Boeing 777-200 itu, Penerbangan MH370 "berakhir di selatan Lautan Hindi". - Bernama



## MITI peruntuk RM2 juta tingkat daya saing vendor PKS bumiputera

RAWANG - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyediakan peruntukan RM2 juta pada tahun ini bagi membantu syarikat milik bumiputera melalui Program Meningkatkan Daya Saing Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

Timbalan Menteri, Datuk Hamim Samuri (gambar) berkata, peruntukan itu akan disalurkan melalui **Sirim Berhad** bagi membantu vendor bumiputera dalam mengetengahkan produk syarikat dalam pasaran.

"Sehingga kini, terdapat 20 syarikat



PKS yang dikenal pasti mempunyai potensi besar untuk berkembang maju.

"Kami akan mendekati syarikat-syarikat ini untuk membantu mereka untuk mengenal pasti ruang-ruang dalam perniagaan yang boleh diperbaiki," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program lawatan kerja ke syarikat Petroclamp Sdn. Bhd. (Petroclamp) di Rasa dekat sini semalam.

Hamim menerangkan, MITI memperuntukkan RM500,000 pada tahun lepas tetapi jumlah tersebut tidak ter-

takluk kepada bidang-bidang mahupun sektor tertentu.

"Sebanyak RM40,000 telah dibelanjakan setakat ini bagi menganjurkan seminar bagi vendor bumiputera," katanya.

Syarikat bumiputera dari sektor minyak dan gas, elektrik dan elektronik serta automotif antara 20 syarikat vendor yang terlibat dalam program tersebut.

Petroclamp merupakan antara vendor Petronas, syarikat terlibat secara aktif dalam petrokimia dan kerja-kerja kejuruteraan mekanikal dan fabrikasi keluli dalam petrokimia, minyak hiran dan industri gas. - Bernama

## Miti allocates RM2m to enhance bumiputra SMEs

RAWANG — The International Trade and Industry Ministry (Miti) has allocated RM2 million this year to enhance the competitiveness of bumiputra small and medium enterprises (SMEs) in the manufacturing and services sectors.

Deputy Minister Datuk Hamim Samuri said the allocation will be

channelled through **Sirim Bhd** to help the SMEs through design, management and process innovations.

“To date, 20 SMEs with good growth potential have been identified, and we will approach them to identify which areas of their business can be improved,” he said

during a visit to Petroclamp Sdn Bhd, one of the 20 SMEs and a recently appointed Petronas vendor, in Rasa near here yesterday.

He said RM40,000 has so far been spent on seminars for the SMEs involved, which are from the oil and gas, electrical and electronic, and automotive sectors. — Bernama





## **MITI Sedia RM2 Juta Bagi Program Mempertingkat Daya Saing Vendor PKS**

RAWANG, 2 April (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menyediakan peruntukan RM2 juta pada tahun ini bagi membantu syarikat milik bumiputera melalui Program Mempertingkat Daya Saing Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).

Timbalan Menteri Datuk Hamim Samuri berkata peruntukan itu akan disalurkan melalui [Sirim Bhd](#) bagi membantu vendor Bumiputera dalam mengetengahkan produk syarikat dalam pasaran.

"Sehingga kini terdapat 20 syarikat PKS yang dikenal pasti mempunyai potensi besar untuk berkembang maju dan kami akan mendekati syarikat-syarikat ini untuk membantu mereka untuk mengenal pasti ruang-ruang dalam perniagaan yang boleh diperbaiki," kata Hamim kepada Bernama selepas program lawatan kerja ke syarikat Petroclamp Sdn Bhd di Rasa, dekat sini, hari ini.

Hamim berkata MITI memperuntukkan RM500,000 pada tahun lepas tetapi jumlah tersebut tidak tertakluk kepada bidang-bidang mahupun sektor tertentu.

"Sebanyak RM40,000 telah dibelanjakan setakat ini bagi menganjurkan seminar bagi vendor Bumiputera," katanya.

Syarikat Bumiputera dari sektor minyak dan gas, elektrik dan elektronik serta automotif antara 20 syarikat vendor yang terlibat dalam program tersebut.

Petroclamp, antara vendor Petronas, ialah syarikat yang distrukturkan untuk terlibat secara aktif dalam petrokimia dan kerja-kerja kejuruteraan mekanikal dan fabrikasi keluli dalam petrokimia, minyak hiliran dan industri gas.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 22  
TARIKH : 03 APRIL 2014 (KHAMIS)

## Lebih 40,000 bakal meriahkan MISTI 2014

**Johor Bahru:** Lebih 40,000 orang dijangka menghadiri Minggu Sains Teknologi dan ICT (MISTI) 2014, yang dijadual berlangsung selama seminggu di PERSADA Johor, di sini, bermula 15 April ini.

Program dwi tahunan anjuran Unit Sains Teknologi dan ICT Johor itu akan disertai 50 jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta dengan mengadakan pameran, ekspo, seminar, bengkel, demonstrasi, pertandingan dan permainan.

Angkasawan Negara, Mejar Dr Faiz Khaleed dan Pakar Sains dari

Universiti Nasional Australia, Dr Graham Walker akan mengadakan bengkel khas berkaitan sains dan teknologi sempena program itu.

Pengarah MISTI 2014, Tunku Zahrah Tunku Osman, berkata penganjuran program kali ini yang bertema 'Ke Arah Komuniti Pintar' bertujuan memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai bidang itu yang sentiasa berkembang.

### Promosi sains, teknologi

"Penganjuran MISTI 2014 juga diharapkan menjadi pendorong ke-



Tunku Zahrah (tengah) bersama penaja MISTI 2014 pada majlis penyerahan **cek tajaan** di Johor Bahru, semalam. [FOTO ZAIN AHMED/BH]

pada generasi muda untuk mendalami ilmu berkenaan, sekaligus menjadikannya sebagai kerjaya pada masa depan," katanya. Beliau berkata demikian pada

sidang media selepas majlis penyerahan cek tajaan MISTI 2014, di sini, semalam.

Pada majlis itu, MISTI 2014 turut menerima insentif tajaan

kira-kira RM300,000 daripada beberapa syarikat seperti Mysys, TWINSystems, Znn, Iskandar Malaysia, MSC Cyberport dan ALTEL.